

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : TARIKAN BAHARU PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri dalam mewujudkan tarikan-tarikan baharu bagi menggalakkan industri pelancongan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan usaha terkini Kerajaan Negeri dalam mewujudkan tarikan-tarikan baharu bagi menggalakkan industri pelancongan di Negeri Selangor.

BIL	PELAN STRATEGIK PROMOSI PELANCONGAN	KETERANGAN
01.	Penjenamaan Kempen Promosi Pelancongan Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Kempen “<i>Discover Selangor, Heart of Malaysia</i>” dan Kempen Digital, ‘<i>Discover Selangor #TakeMeAnywhere</i>” merupakan kempen promosi pelancongan untuk meningkatkan kesedaran dan juga permintaan di dalam pasaran utama bidang pelancongan seterusnya meletakkan aras yang jelas untuk memberikan produk pelancongan yang berkualiti serta servis yang terbaik. • Strategi pemasaran yang unik dan kreatif • Kempen promosi yang menggalakkan pengalaman (<i>experience</i>), acara, infratraktur serta pembangunan dan peningkatan jualan perniagaan pelancongan.
02.	Meningkatkan permintaan (<i>demand</i>) daripada beberapa pasaran fokus seperti pasaran Negara China, India, Jepun dan pasaran baru.	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah peningkatan jumlah pelancong dan jumlah resit pelancongan melalui sasaran pasaran yang lebih fokus. • Mempertingkatkan siri promosi di bandar-bandar menengah (<i>second-tier cities</i>) di Negara China seperti, Guangzhou, Shenzhen, Wuhan, Kunming, Chengdu dan Dongguan. Sasaran Negara India adalah seperti, Lucknow, Jaipur, Kochin dan Srinagar. Sasaran Jepun pula adalah Nagoya dan Osaka. • Tourism Selangor juga telah meningkatkan penglibatan program promosi luar negara di dalam pasaran baru hasil kerjasama erat

BIL	PELAN STRATEGIK PROMOSI PELANCONGAN	KETERANGAN
		bersama Tourism Malaysia dan Agensi Pelancongan Negeri. <ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan peningkatan pakej 'inbound' untuk produk pelancongan Negeri Selangor.
03.	Membina kapasiti digital yang kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan penggunaan kaedah pemasaran digital dalam program promosi dan pengiklanan • Menyampaikan peranti dan aplikasi yang memenuhi keperluan pelanggan dalam sasaran digital dan dalam talian. • Kempen Promosi Digital #TakeMeAnywhere melalui platform google dan youtube yang dilancarkan pada awal tahun ini telah menunjukkan impak positif dimana dalam masa 3 bulan jumlah penonton video kempen tersebut mencecah 4.5 juta penonton.
04.	Menggalakkan pelaburan dan perniagaan dalam bidang pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Tourism Selangor telah mewujudkan 1 unit khas untuk pelancongan fokus iaitu, Pelancongan Kesihatan, Cruise, Golf dan MICE. • Meningkatkan sumbangan di dalam bidang pelancongan perniagaan. • Bekerjasama dengan pihak Invest Selangor, agensi swasta, dan penggiat industri pelancongan negeri untuk menarik pelabur dalam bidang pelancongan. • Untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi Selangor, segmen pelancongan perniagaan merupakan peluang yang besar untuk memacu pertumbuhan dalam kedua-dua lawatan pelancong antarabangsa dan domestik – untuk perniagaan (<i>business</i>) dan percutian (<i>leisure</i>)
05.	Acara Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> • Acara pelancongan memainkan peranan yang penting dalam merencanakan aktiviti promosi pelancongan dalam dan luar negara • Acara pelancongan juga membantu di dalam kekuatan penjenamaan kempen "Discover Selangor, Heart of Malaysia" • Mempromosikan kalendar acara pelancongan yang berlangsung di Negeri Selangor termasuk acara yang dianjurkan oleh organisasi luar yang dapat menarik para pelancong dalam dan luar negara.
06.	Program Community Based Tourism (CBT)	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan penubuhan komuniti, organisasi atau kelab pelancongan tempatan untuk

BIL	PELAN STRATEGIK PROMOSI PELANCONGAN	KETERANGAN
		<p>mewujukan satu jawatankuasa dalam kalangan penduduk dan perniagaan tempatan bagi menggerakkan aktiviti perniagaan pelancongan secara sihat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contoh boleh dilihat kepada Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan yang bergiat aktif dan membawa model seperti 'Community Based Tourism' dan 'Think Tourism' yang sememangnya memberikan impak yang besar dalam memacu pembangunan pelancongan setempat. • Sebuah Program Pembangunan iaitu program latihan untuk Hos Komuniti Selangor ini merupakan program pemangkin menggunakan pendekatan '<i>Community Base Tourism Delivery Management</i>'. Program ini diadakan adalah untuk untuk melantik dan melatih pemandu pelancong setempat di seluruh Negeri Selangor secara profesional. Program sulung atau '<i>Pioneer</i>' ini dijalankan bagi 3 Daerah dahulu, iaitu, Daerah Klang, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SUMBER HASIL PENDAPATAN KERAJAAN NEGERI

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah sumbangan hasil tunai ataupun jumlah-jumlah bayaran hutang yang telah diberikan oleh GLC kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Sumbangan hasil tunai serta jumlah-jumlah bayaran hutang yang telah diberikan oleh GLC kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Sumbangan Hasil tunai / Lain-lain Sumbangan *	Bayaran Hutang Kerajaan Negeri
		31 Dis 2017 (RM)	31 Dis 2017 (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	53,562,418	-
ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI			
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	454,875	700,000
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	5,404,757	-
3	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	15,000	-
4	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	1,597,137	-
5	SRM Setia Sdn Bhd	182,074	-
6	KDEB Waste Management Sdn Bhd	333,290	-

**Sumbangan tunai yang diberikan bagi membantu menjayakan program anjuran Kerajaan Negeri dan CSR di dalam memacu pembangunan Negeri Selangor menuju Smart State dan memastikan kebajikan rakyat di Negeri Selangor terpelihara.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PENDAPATAN ISI RUMAH PENDUDUK DI NEGERI SELANGOR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pendapatan kasar bulanan isi rumah rakyat di Negeri Selangor mengikut pecahan kumpulan T20, M40 & B40?

JAWAPAN:

- a) Pendapatan kasar merupakan jumlah pendapatan yang diperoleh oleh isi rumah daripada semua punca pendapatan merangkumi pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, harta dan pelaburan serta pindahan semasa diterima. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran Negeri Selangor Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, had pendapatan kasar isi rumah bulanan mengikut kumpulan isi rumah terendah 40% (B40), pertengahan 40% (M40) dan tertinggi 20% (T20) bagi negeri Selangor adalah seperti berikut : -

Had Pendapatan (RM)			
Negeri	Terendah 40% (B40)	Pertengahan 40% (M40)	Tertinggi 20% (T20)
Selangor	<RM6,180	RM6,180 – RM12,469	≥RM12,470

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : ANCAMAN DENGGI DI SELANGOR

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Menurut Laporan pihak Kementerian Malaysia, kebanyakan peratusan aedes positif dijumpai di tempat tidak terurus/ terbiar seperti tanah/ lot kosong, rumah terbengkalai dan sebagainya. Adakah Kerajaan Negeri boleh memperuntukkan dana khas bagi pembersihan tempat tidak terurus/ terbiar seperti berikut?

JAWAPAN:

- a) Bagi menyelesaikan masalah tempat tidak terurus, tempat terbiar seperti tanah atau lot kosong dan rumah terbengkalai yang berpotensi menjadi tempat pembiakan aedes, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM350,000.00 yang diletakkan di bawah pengurusan Pegawai Daerah. Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Mesyuarat Tindakan Denggi bertanggungjawab untuk mengarahkan tindakan pembersihan bagi kawasan tersebut secara serta merta berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengkhususkan sebanyak **RM10,000 daripada peruntukan Khidmat Masyarakat DUN** digunakan bagi melaksanakan program gotong-royong untuk turut membantu aktiviti pencegahan denggi.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM1.248 juta** peruntukan kepada **Ahli Majlis** melalui PBT bagi bersama-sama melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing dengan melibatkan masyarakat setempat.

Pencegahan denggi tidak hanya bergantung kepada dana daripada Kerajaan Negeri untuk pembersihan aset-aset hakmilik persendirian kerana ianya adalah tanggungjawab pemilik. Pihak PBT perlu mengambil langkah penguatkuasaan terhadap pemilik yang tidak menjaga aset mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PROGRAM PENDIDIKAN KHAS

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sama ada Program Pendidikan Khas Integrasi di Negeri Selangor mencukupi bagi menampung jumlah pelajar yang memerlukan perhatian khas di bawah Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : SKIM KEBAJIKAN UNTUK BANGUNAN PANGSAPURI KOS RENDAH

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jenis Skim atau bantuan kebajikan yang masih ditawarkan oleh Kerajaan Negeri khususnya untuk Pangsapuri Kos Rendah (contoh seperti Skim Ceria).
- b) Sila terangkan tawaran yang disediakan oleh setiap Skim yang telah disenaraikan serta jumlah peruntukkan yang dibajetkan untuk Skim-skim ini pada tahun 2019.

JAWAPAN:

- a) Senarai skim bantuan yang masih ditawarkan oleh Kerajaan Negeri di bawah Program Pemerbedayaan Komuniti untuk pangsapuri kos rendah sehingga tahun 2018 adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	AKTIVITI BANTUAN	PENCAPAIAN
1	CERIA (Caring Government For Residents' Improvement Aid)	• Baikpulih harta bersama pangsapuri kos rendah dan sederhana.	• 284 projek • RM95.8 juta
2	SMARTLIFE (SMART Lift Improvement For Residents' Improvement Aid)	• Baikpulih lif. • Bantuan pembayaran fi penyenggaraan lif kepada firma kompeten lif (kontrak penyenggaraan komprehensif. • Pangsapuri kos rendah sahaja.	• 48 pangsapuri • 216 unit lif • RM30 juta
3	ISS (Indah SMART Selangor)	• Mengecat bangunan. • Pangsapuri kos rendah sahaja.	• 26 pangsapuri • 84 blok • 8648 unit • RM10 juta
4	Baikpulih Jalan	• Kerja baikpulih jalan dalam kawasan pangsapuri. • Pangsapuri kos rendah sahaja.	• 50 pangsapuri • RM8.7 juta

BIL	PROGRAM	AKTIVITI BANTUAN	PENCAPAIAN
5	SEROJA (Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)	<ul style="list-style-type: none"> • Program Keselamatan • Pemasangan CCTV • Pangsapuri kos rendah sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> • 116 pangsapuri • RM687,136.00
6	Pusat Kitar Stara	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Kitar Strata Semula Oleh JMB/MC 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 pangsapuri • RM15,000.00
7	Laman Hijau	<ul style="list-style-type: none"> • Program Kebun Komuniti Di Pangsapuri 	<ul style="list-style-type: none"> • 22 pangsapuri • RM104,000.00
8	SAFWA (<i>Selangor Free Water Apartment</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Rebet Air Percuma RM11.40 kepada pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal. 	<ul style="list-style-type: none"> • 239 pangsapuri (68,174 unit) • RM53.8 juta

- b) Maklumat mengenai peruntukan tahun 2019 bagi Program Pemerbedayaan Komuniti Negeri Selangor akan dibentangkan semasa Sesi Pembentangan Belanjawatan Tahun 2019 pada 23 November 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN JPS

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jenis-jenis peruntukkan (e.g. kecemasan, kawasan) serta jumlah peruntukkan JPS Selangor pada tahun 2019.
- b) Apakah JPS Selangor mempunyai rancangan penaiktarafan dan pengindahan kawasan tebing sungai seluruh Selangor pada jangka masa panjang? Sekiranya ada, apakah jangka masa tersebut?

JAWAPAN:

- a) JPS Negeri Selangor menerima peruntukan pembangunan daripada 2 sumber iaitu peruntukan negeri dan juga peruntukan persekutuan. Selain itu, JPS juga menguruskan peruntukan dari Akaun Amanah Caruman Parit. Peruntukan ini merupakan kutipan sumbangan bayaran Caruman Parit yang dikenakan atas pemaju bagi tujuan kemajuan tanah berdasarkan jumlah yang ditentukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Kadar bayaran adalah RM10,000 per ekar. JPS juga menerima peruntukan mengurus B13 dari Kerajaan Negeri. Peruntukan ini digunakan untuk pengurusan pejabat, perolehan harta modal dan juga penyelenggaraan.
- b) Kerja-karya menaiktaraf tebing sungai dibuat melalui projek-projek Rancangan Tebatan Banjir, Pengukuhan Tebing dan Menaiktaraf Ban sungai. Selain itu, skop kerja pengindahan tebing akan dimasukkan di dalam kerja menaiktaraf mengikut kesesuaian di tapak. Secara umumnya, tempoh projek akan berjalan dalam masa 2-3 tahun bagi setiap projek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : RIZAB BERSIH KEWANGAN PBT

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah rizab bersih di setiap PBT sejak tahun 2008 sehingga tahun yang terkini.
- b) Sila senaraikan perancangan MBPJ bagi membelanjakan 20 peratus daripada keseluruhan rezab tunai bersih untuk kemudahan asas dan awam seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Butiran terperinci kesemua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira keserataaran tunai ditolak dengan liabiliti semasa sejak tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah seperti di Lampiran A.
- b) Bagi membelanjakan rezab tunai bersih Majlis, pada tahun 2019 Majlis telah menyediakan bajet defisit seperti berikut :

Perkara	Bajet 2019 (RM)
Hasil	399,061,240
Belanja Mengurus	325,725,150
Belanja Pembangunan	110,591,920
Jumlah Perbelanjaan	436,317,070
Defisit	(37,255,830)
Peratus defisit berbanding Hasil	9.84%

Defisit sebanyak RM37.26 juta diambil daripada rezab tunai bersih adalah bagi membiayai perbelanjaan pembangunan Majlis di mana perbelanjaan pembangunan melibatkan belanja menaiktaraf kemudahan asas dan awam untuk penduduk. Kadar defisit bajet 2019 berbanding rezab tunai bersih 2018 (setakat 31 Oktober 2018) adalah 19.90%

** nota : rezab tunai bersih 2018 tidak mengambil kira tanggungan perbelanjaan yang masih belum dibayar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PELANTIKAN KONTRAKTOR SENARAI HITAM KONTRAKTOR

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi penaiktarafan kawasan awam (e.g. pembinaan jalan raya), apakah nilai projek yang menentukan pelantikan kontraktor dilakukan oleh Kerajaan Negeri atau PBT?
- b) Secara am, bilakah kita boleh menyenarai hitamkan kontraktor dan bagaimanakah prosedur menyenarai hitamkan kontraktor dilakukan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada amalan semasa, pelantikan kontraktor bagi sesuatu projek penaiktarafan kawasan awam seperti pembinaan jalan raya yang berada di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan dilaksanakan oleh pihak PBT sendiri jika menggunakan sumber pembiayaan dalaman PBT tersebut. Namun, kaedah pelantikan kontraktor bagi projek yang dibiayai oleh agensi luar adalah bergantung kepada syarat dan garis panduan yang diberikan oleh agensi tersebut. Contoh agensi pembiaya selain PBT adalah seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (ICU), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan lain-lain agensi. Oleh yang demikian, perlu difahami bahawa penentuan agensi yang mengurus pelantikan kontraktor bagi projek penaiktarafan awam tidak dibuat mengikut nilai sesuatu projek.
- b) Sebagai makluman, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah agensi yang telah diberi kuasa oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengurus bagi pihak Kerajaan tindakan tatatertib ke atas kontraktor yang berdaftar dengan CIDB serta memegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang gagal mematuhi syarat tawaran atau syarat kontrak yang ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan untuk projek-projek Kerajaan. Di dalam hal ini, mana-mana kontraktor yang gagal mematuhi syarat tawaran atau syarat kontrak oleh Kementerian/Jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib iaitu dikenakan penggantungan sijil pendaftaran. Misalnya, kesalahan pemalsuan dokumen bagi menyertai tawaran tender boleh dikenakan tindakan tatatertib penggantungan sijil pendaftaran selama 2 tahun. Sekiranya pihak kontraktor dengan sengaja menyertai perolehan kerajaan dalam tempoh penggantungan, sijil pendaftaran syarikat akan ditarik balik dan Ahli Lembaga Pengarah/pemilik

syarikat akan disenaraihitamkan selama tiga (3) tahun oleh pihak CIDB. Oleh yang demikian, agensi Kerajaan dinasihatkan melaporkan kegagalan kontraktor mematuhi syarat tawaran dan kontrak kepada CIDB agar tindakan tatatertib dan proses senaraihitam dapat dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : SENARAI MAKLUMAT KETUA KAMPUNG

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kesemua nama ketua kampung, nombor hubungan dan kawasan mereka di seluruh Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan senarai nama Ketua Kampung, nombor hubungan dan kawasan mereka di seluruh Negeri Selangor yang telah dilantik. Senarai maklumat 322 orang Ketua Kampung Tradisi seperti di Lampiran A.

Selebihnya 49 Ketua Kampung Tradisi akan dibuat lantikan pada fasa 2 disebabkan ada beberapa isu teknikal dan calon tidak menepati kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KHIDMAT BAS SELANGORKU PERCUMA (IPR 13)

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila senaraikan jumlah bas percuma di seluruh Negeri Selangor mengikut kawasan pentadbiran dan PBT.
 - b) Sila senaraikan jumlah peruntukkan untuk pembelian dan penyelenggaraan untuk bas-bas percuma yang disenaraikan.
 - c) Sila senaraikan jenis bas-bas yang digunakan.

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor kini mempunyai 42 laluan dan 125 buah bas di sebelas kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor, tidak termasuk perkhidmatan PJCity Bus oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Butiran jumlah laluan dan Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH LALUAN	JUMLAH BAS
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	6	26
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	5	20
3.	Majlis Perbandaran Klang	3	12
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	4	14
5.	Majlis Perbandaran Kajang	4	11
6.	Majlis Perbandaran Selayang	3	14
7.	Majlis Perbandaran Sepang	4	10
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	2	4
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	5
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	3	4
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	3	5
JUMLAH KESELURUHAN		42	125

- b) Kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 hingga kini adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan konsep perkongsian kos dan 1 plus 1 yang disyaratkan khususnya kepada PBT yang mempunyai kemampuan

kewangan supaya lebih banyak laluan baru diperkenalkan dan memenuhi keperluan serta kemudahan rakyat di Negeri Selangor.

Kos keseluruhan Bas Smart Selangor yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh tiga tahun pelaksanaan adalah sebanyak **RM50,580,628.64** manakala kos yang dibiayai oleh PBT adalah sebanyak **RM9,009,788.00**. Kos yang ditanggung sebanyak RM800 sehari bagi sebuah bas merupakan kos penyewaan yang merangkumi kos pengurusan dan penyelenggaraan bas. Oleh itu, tiada kos pembelian bas oleh Kerajaan Negeri manakala kos penyelenggaraan adalah termasuk di dalam kos penyewaan yang menjadi tanggungjawab sepenuhnya syarikat operator bas yang dilantik.

- c) Spesifikasi asas bagi pemilihan bas yang digunakan untuk perkhidmatan bas Smart Selangor adalah merangkumi jenis, saiz, kapasiti dan kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan oleh syarikat operator dilantik. Bas Smart Selangor pada ketika ini hanya menggunakan bas bersaiz 10 dan 12 meter berdasarkan keperluan dan kesesuaian laluan yang dicadangkan serta kos yang lebih efektif. Penggunaan bas bersaiz panjang ini lebih menepati sasaran untuk memberi lebih banyak peluang kepada pengguna pengangkutan awam di Negeri Selangor seterusnya meningkatkan jumlah penerimaan penumpang yang tinggi. Kapasiti bas yang ditetapkan adalah 25 atau 30 tempat duduk penumpang dan model bas adalah dari jenis Scania, ADL Enviro, Volvo atau MAN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN BAGI PELAKSANAAN PELAN DAN KAJIAN
PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di bawah Kerajaan Negeri mempunyai pelbagai pelan dan kajian induk bagi pengangkutan awam bagi memperbaiki keadaan trafik di Selangor. Sila senaraikan kajian-kajian pengangkutan awam di bawah Selangor dan PBT serta dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan hasil daripada kajian-kajian ini dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) Dalam memastikan jaringan jalan raya serta pengurusan trafik di Negeri Selangor lebih terancang dalam mengatasi masalah kesesakan serta mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya, pelan atau kajian induk telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan juga inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan, manakala kajian trafik yang disyaratkan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya adalah keperluan yang ditetapkan di dalam pelaksanaan projek-projek menaiktaraf jalan raya.

Antara kajian-kajian yang dilaksanakan adalah seperti di bawah:

BIL.	Pelan / Kajian Yang Dilaksanakan	Jabatan / Agensi / PBT	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	Pelan Induk Pengangkutan Negeri Selangor (PIPANS)	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM1,036,553.33
2.	Kajian Pengangkutan dalam sebahagian daripada Rancangan Struktur Negeri (RSN)	Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor	RM35,200.00 (dimasukkan dalam kos perunding RSN)
3.	Pelan Induk / Kajian Pengangkutan MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM500,000.00
4.	Kajian Destinasi Asal (Origin Destination)		RM187,000.00
5.	Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM1 juta
6.	Kajian Pengurusan Lalulintas dan Kapasiti Jalan Raya Sedia Ada di Kawasan Melawati – Kemensah 2018 - 2028	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	RM400,000.00

BIL.	Pelan / Kajian Yang Dilaksanakan	Jabatan / Agensi / PBT	Jumlah Peruntukan (RM)
7.	Kajian Pengangkutan dalam sebahagian daripada Kajian Rancangan Tempatan Daerah - Semua PBT	Semua PBT	Termasuk dalam kos Kajian Rancangan Tempatan (RT)
8.	Kajian Trafik	Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	Kos kajian termasuk dalam sebahagian kos projek menaiktaraf jalan raya
9.	Kajian Impak Trafik	Pihak Berkuasa Tempatan	Kajian ini disyaratkan kepada pemaju projek dan termasuk di dalam kos projek yang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : HOTSPOT JENAYAH

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menetapkan sesebuah kawasan itu *hotspot* jenayah dan senaraikan kawasan-kawasan yang dikenalpastikan sebagai kawasan *hotspot* jenayah di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri apabila kawasan tersebut disenaraikan sebagai *hotspot*?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Negeri Selangor mencatatkan indeks tertinggi dan berada di tangga teratas berbanding dengan negeri lain. Jenayah indeks yang menyumbang kadar jenayah di Selangor adalah kes pecah rumah dan curi, curi motosikal, samun berkawan tanpa senjata/ragut.

Statistik Jenayah Indeks diukur melalui pengiraan jumlah penduduk Selangor Per 100,000. Jenayah Indeks Negeri Selangor bagi tahun 2018 (Oktober) menunjukkan penurunan sebanyak -22% (Jenayah kekerasan dan hartabenda) Selangor bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dilampirkan.

Penetapan kawasan Hot Spot adalah berdasarkan kekerapan kejadian Jenayah Indeks berlaku di kawasan daerah berkenaan. Kawasan Hot Spot di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

DAERAH	BIL	BALAI	KAWASAN HOTSPOT
Klang Selatan	1.	Klang	Bukit Tinggi
	2.	Klang	Taman Sentosa
Kajang	3.	Kajang	Kajang
Petaling Jaya	4.	Sg. Way	Sg. Way
	5.	Damansara	Damansara
Shah Alam	6.	Sri Muda	Taman Sri Muda
	7.	Subang Jaya	SS 15 Subang Jaya
Subang Jaya	8.	Bukit Puchong	Bukit Puchong
	9.	Selayang	Selayang Baru
Gombak	10.	Rawang	Rawang
	11.	Ampang	Bandar Baru Ampang
Ampang Jaya	12.	Pandan Indah	Pandan Indah

DAERAH	BIL	BALAI	KAWASAN HOTSPOT
Serdang	13.	Puchong	Bandar Putri

b) Langkah-langkah yang perlu diambil di kawasan *hotspot* adalah seperti berikut:-

- Pemasangan CCTV
- Meningkatkan Pencahayaan
- Penghadang Pejalan Kaki/Jalanraya
- Cermin Keselamatan
- Bollard
- Meningkatkan Rondaan MPV & URB di kawasan *hotspot* seperti mana tujuan asal penubuhan unit MPV & URB adalah khusus untuk rondaan di kawasan *hotspot*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : NAIK TARAF MAJLIS DAERAH

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk Majlis Daerah dinaik taraf ke status Majlis Perbandaran.
 - b) Adakah keempat-empat Majlis Daerah memenuhi kriteria untuk dinaik taraf ke status Majlis Perbandaran?
 - c) Adakah Kerajaan Negeri pernah membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf MDHS ke status Majlis Perbandaran? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Tujuh (7) kriteria asas yang perlu dipatuhi sepertimana yang ditetapkan oleh KPKT di dalam Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bilangan 4 Tahun 2008, bertarikh 1 Julai 2008 adalah seperti berikut:
 - i. Merupakan bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah.
 - ii. Mempunyai penduduk tidak kurang daripada 150,000 orang.
 - iii. Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mapan (sustainable) dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang wajar dan selesa sesuai dengan tahap kualiti hidup sebuah perbandaran.
 - iv. Mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan, pelancongan dan perumahan utama sedia ada ataupun dalam perancangan yang dikenal pasti berpotensi memberi sumbangan kepada pertumbuhan pekerjaan yang boleh dikenakan cukai serta penjanaaan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor.
 - v. Keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga di samping menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial.
 - vi. Mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan serta dihubungkan dengan sistem lebuh raya yang cekap. Mempunyai konsep perancangan bandar yang mapan (sustainable) yang berupaya

menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem Malaysia Urban Indicator Network (MURNInet) juga akan diambil kira.

- vii. Mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 (LA 21) ataupun penglibatan jawatankuasa penduduk.

- b) Sebanyak tiga daripada empat Majlis Daerah di Negeri Selangor iaitu MDKL, MDHS dan MDKS telah memenuhi kriteria asas yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bilangan 4 Tahun 2008 untuk dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran.

- c) Kerajaan Negeri tidak membuat permohonan untuk menaiktaraf MDHS kepada Majlis Perbandaran kerana walaupun MDHS telah memenuhi kriteria asas yang ditetapkan untuk dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran, faktor-faktor lain juga perlu diambil kira oleh Kerajaan Negeri dalam mempertimbangkan permohonan menaik taraf Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran. Antara faktor-faktor tersebut adalah:
 - i. Penarafan Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran turut akan menyebabkan kenaikan nilai tanah yang mana ini akan memberi kesan kepada rakyat yang akan terpaksa membayar cukai seperti cukai taksiran yang lebih tinggi;
 - ii. Penaiktarafan kepada perbandaran juga perlulah selari dengan mutu perkhidmatan yang diberikan selain pembangunan yang dilaksanakan oleh MDHS. Justeru, ini akan memerlukan persediaan MDHS untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan menyediakan peruntukan pembangunan yang lebih;
 - iii. Akhir sekali, penaiktarafan Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran juga akan menyebabkan MDHS terpaksa menanggung kos operasi yang lebih tinggi yang disumbangkan antaranya kenaikan gaji pegawai dan kakitangan selain keperluan untuk menyediakan prasarana atau ruang kerja yang lebih luas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : SANTUARI IKAN SUNGAI CHILING

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan MMKN setelah menerima surat rayuan Jabatan Perikanan Negeri Selangor terhadap projek Talian Penghantaran 500kV TNB PMU Tapah-Bentong South yang merentasi kawasan Santuari Ikan Sg Chiling untuk pembinaan menara AP69-AP70 pada 24 September?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mempromosikan kawasan Santuari Ikan Sg Chiling ke mata dunia?

JAWAPAN:

JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui MMKN Ke 31/2018 pada 3 Oktober 2018 telah membuat keputusan bersetuju dengan beberapa perkara berikut:
 - i. Konsep 'potong dan tinggal' bagi pokok-pokok yang ditebang di dalam kawasan HSK Bukit Kutu dan pampasan akan dibayar oleh pihak TNB,
 - ii. Tiada dibenarkan sebarang pengeluaran kayu balak bagi mengurangkan risiko pencemaran yang kualiti air, alam sekitar dan konservasi ikan kelah,
 - iii. Tiada kerja-kerja penebangan kayu balak pada musim hujan dan jarak pemasangan menara talian TNB adalah melebihi 100 meter daripada kawasan santuari ikan, dan
 - iv. Pihak TNB dikehendaki membuat pemasangan logistik menara penghantaran elektrik menggunakan helikopter.
 - v. Pihak TNB diminta untuk menyumbang kepada konservasi ikan kelah di kawasan tersebut melalui Program Tannngungjawab Sosial (CSR) TNB, dan
 - vi. Lain-lain keputusan yang telah disahkan oleh MMKN Ke 25/2018 pada 15 Ogos 2018 adalah dikekalkan.

JABATAN PERIKANAN NEGERI SELANGOR

- b) Untuk makluman Y.A.B Dato' Menteri Besar, Pusat Santuari Kelah Sungai Chiling, Kuala Kubu Baru telah di buka pada tahun 2006 sebagai pusat konservasi ikan kelah. Pada tahun 2009 santuari tersebut telah dibuka untuk

rekreasi orang awam. Pelbagai kemudahan infrastruktur telah disediakan seperti kemudahan tandas, surau dan tapak perkhemahan. Namun begitu, Jabatan Perikanan Negeri Selangor tidak pernah mempromosikan kawasan Santuari Ikan Sungai Chiling sehingga ke luar negara. Walaubagaimanapun pihak jabatan sentiasa mewar-warkan hebahan aktiviti dan program kepada orang awam melalui media sosial seperti Laman Web Jabatan Perikanan Negeri Selangor dan juga aplikasi media interaktif "Facebook" sebagai platform terbaik untuk mempromosikan Pusat Santuari Ikan Sungai Chiling.

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN, UPEN

- b) Sungai Chiling merupakan salah satu dan mungkin satu-satunya air terjun sungai yang terletak di dalam hutan dara yang masih belum diteroka atau disentuh oleh pembalakan di dalam Negeri Selangor.

Keunikan dan keindahan Sungai Chiling yang turut mempunyai satu-satunya santuri kelah di negeri ini wajar diberi perhatian dan keutamaan di dalam pelancongan negeri. Justeru itu, Kerajaan Negeri sudah pun menjalankan aktiviti promosi Sungai Chiling dan kawasan sekitar yang kaya dengan keindahan dan keunikan produk pelancongan eko ini dengan harapan dan tujuan untuk mengangkat Sungai Chiling sebagai destinasi utama pelancong di Negeri Selangor.

Antara aktiviti promosi yang telah dilaksanakan adalah melalui pengiklanan media cetak dan artikel di media tempatan dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan Sungai Chiling di dalam *Selangor Breakaway*, *The Best of Selangor* dan Buku Terokai Kehijauan Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) juga menyertai beberapa siri promosi luar dan dalam negara bagi mempromosikan Sungai Chiling dan daerah Hulu Selangor secara amnya.

Unit Perancang Negeri Selangor (UPEN) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) turut mempromosikan Sungai Chiling melalui beberapa penganjuran Program FAM Trip (*Familiarization Trip*) dan juga perkhemahan yang disertai oleh media tempatan dan luar negara.

TOURISM SELANGOR SDN BHD

- c) Kerajaan Negeri amat komited dalam mempromosikan kawasan Santuari Ikan Sg Chiling ke mata dunia. Produk pelancongan yang berkonsepkan

konservasi, eko dan alam semulajadi ini menjadi pilihan kepada pencinta alam dan pelancong daripada Eropah, Singapura, Domestik dan sebagainya.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan ini dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Antara peranan Tourism Selangor untuk mempromosikan Santuari Ikan Sg Chilling ini adalah;

i) Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa.

Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan Pelancongan Agro. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, The Best of Selangor dan Buku Terokai Kehijauan Selangor.

ii) Mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk agro-pelancongan di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2017. Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor seperti berikut;

- Program MATTA Fair (2 kali setahun)
- Malaysia Inbound Travel Fair 2017 (MITA)
- Selangor International Expo 2018 (SIE)
- Kuala Lumpur Photography Festival 2018

iii) Program promosi luar negara yang disertai oleh Tourism Selangor adalah seperti berikut;

- Asean Tourism Forum
- SATTE, New Delhi, India
- ITB Berlin
- Taipei Tourism Expo
- World Travel Market London
- Japan Association of Travel Agents (JATA), Tokyo
- FITUR, Madrid

iv) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi pelancongan sukan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui <http://www.tourismselangor.my>. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 100,000 followers. Facebook, Twitter dan Weibo Tourism Selangor menggunakan profil nama @TourismSelangor serta Instagram menggunakan profil @DiscoverSelangor dapat mempromosikan kawasan pelancongan ini dengan lebih efektif dan meluas.

v) Penganjuran Program FAM Trip (Familiarization Trip)

Tourism Selangor bekerjasama dengan produk-produk pelancongan yang berteraskan pelancongan eko dan alam semulajadi untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : AKTIVITI BUDAYA DAN SENI

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah melaksanakan pementasan teater bagi karya-karya sasterawan negara, persembahan simfoni Selangor dan pameran seni halus seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2018 Negeri Selangor? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah mengadakan program-program pembangunan bakat muda yang berkaitan dengan penulisan kreatif yang diilhamkan oleh karya Rehman Rashid seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2018 Negeri Selangor? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan mengiktiraf aspek kebudayaan sebagai salah satu sendi utama dalam mencapai kemakmuran dan kemajuan sesebuah negeri. Pelbagai aktiviti kebudayaan yang giat dijalankan sepanjang tahun di negeri Selangor adalah merangkumi pelbagai aspek kebudayaan termasuklah kebudayaan tradisi dan warisan, seni persembahan pentas dan layar, pementasan dan bengkel teater, penulisan dan kesusasteraan, acara kebudayaan daerah dan negeri dan lain-lain. Penganjuran program-program ini dapat memberikan peningkatan pembangunan aspek kebudayaan agar sejajar dengan kemajuan dari sudut fizikal, ekonomi dan sosial.

Beberapa program pementasan teater bagi karya-karya sastera telah dirancang dan dilaksanakan bagi menyemarakkan lagi aspek teater kebudayaan dan mencungkil bakat baru dalam persembahan seni pentas dan layar. Antara program-program yang terlibat adalah:

- i) Bengkel Teater Monolog di Universiti Malaya, Petaling Jaya yang dianjurkan pada 10 hingga 21 April 2018 merupakan sebuah program pembangunan teater dan platform mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang pementasan teater. Acara berbentuk bengkel dan pertandingan teater selama 11 hari ini meliputi cerita-cerita hikayat dari naskhah-naskhah hikayat Melayu yang sarat dengan nilai kesusasteraan dan kebudayaan tradisi.

- ii) Program Minggu Teater Selangorku 2018 yang akan dianjurkan pada 3 hingga 9 Disember 2018 dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan (PADAT). Program selama 7 hari ini menggabungkan beberapa pengisian iaitu sesi pementasan, bengkel dan pertandingan teater yang akan menampilkan penyertaan dari pelbagai persatuan-persatuan dan penggiat teater khususnya dari negeri Selangor.
- iii) Pementasan Teater Bangsawan Kanak-kanak bakal dianjurkan oleh kerajaan Negeri Selangor dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya menerusi program pengisian Kota Seni di Petaling Jaya pada 23 hingga 25 November 2018 bertempat di Auditorium Dewan Sivik MBPJ. Penganjuran ini bakal menyaksikan pelapis-pelapis muda dan berbakat membuat pementasan teater mengenai sejarah Kesultanan Melayu di Negeri Selangor bertajuk "Opu Chendera Burong Raja Siti".

Bagi persembahan simfoni dan pameran seni Selangor, pelaksanaan bagi program ini adalah masih dalam pertimbangan dan penilaian semula dari pelbagai sudut termasuklah pelaksanaan dan penyelarasan melalui agensi yang berkaitan seperti PADAT dan Tourism Selangor. Pertimbangan dan penilaian lanjut ini juga adalah bagi memperincikan elemen budaya dan identiti yang bersesuaian untuk diketengahkan supaya dapat diselarakan dengan kebudayaan tradisi dan warisan negeri Selangor dalam program-program yang dirancang.

Selain itu, sebagai sebuah inisiatif dalam membangunkan bakat muda, Program Hadiah Sastera Selangor 2018 merupakan program anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Selangorkini bertujuan memberikan penghargaan dan menyemarakkan aktiviti penulisan dan sastera dalam Negeri Selangor. Program ini memberi peluang khususnya kepada penulis bakat baharu dan yang telah mapan untuk mengambil bahagian dalam penulisan karya-karya khususnya dalam bentuk puisi, cerpen dan rencana untuk diterbitkan di akhbar dan laman sesawang Selangorkini sepanjang tahun. Karya-karya yang diterbitkan ini akan dinilai oleh juri yang berpengalaman untuk diberikan hadiah bagi setiap kategori yang dipertandingkan. Seterusnya, karya-karya terpilih ini akan diterbitkan menjadi sebuah antologi sastera dan penulisan Hadiah Sastera Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PEMBERSIHAN AWAM MDHS

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh KDEB bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan awam di kawasan MDHS dengan butir-butir seperti tempoh, nilai dan syarat-syarat kontrak seperti yang termaktub dalam perjanjian antara KDEB dengan kontraktor.
- b) Nyatakan kos perbelanjaan kerja-kerja pembersihan awam MDHS mengikut bulan sejak Januari 2018 sehingga kini.
- c) Apakah kelebihan yang didapati oleh MDHS dengan melantik KDEB menguruskan kerja-kerja pembersihan awam di kawasan MDHS?

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TANAH PKPS DI HULU SELANGOR

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan tanah yang dimiliki oleh PKPS di Hulu Selangor dengan butir-butir seperti keluasan dan tujuan penggunaannya.
 - b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan semula tapak Taman Orkid Antarabangsa yang telah tutup lebih daripada 10 tahun?

JAWAPAN:

- a) Senarai tanah-tanah PKPS di Daerah Hulu Selangor beserta dengan kegunaan tanah tersebut adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Tanah ini adalah hakmilik PKPS. PKPS tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan semula tapak Taman Orkid Antarabangsa tersebut.

PKPS telah menandatangani perjanjian usahasama dengan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) pada 22 Februari 2017 untuk perlombongan kuari selama 30 tahun.

Pada masa ini, KSSB sedang mendapatkan permit bahan batuan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : TAPAK WARISAN DI KUALA KUBU BHARU

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini usaha JPBD dalam menyediakan kajian Bandar Kuala Kubu Bharu sebagai tapak warisan.
- b) Nyatakan kos perbelanjaan telah dan akan digunakan untuk mengangkat Bandar Kuala Kubu Bharu sebagai tapak warisan.
- c) Adakah Masjid Ampang Pecah telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) pada masa kini sedang menjalankan Kajian Pengenalpastian Bandar Kuala Kubu Bharu Sebagai Tapak Warisan Kebangsaan atau Dunia yang bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian dan Nilai Keunggulan Sejagat ataupun dengan izin; *Outstanding Universal Value* (OUV) bagi pencalonan Kuala Kubu Bharu sebagai Tapak Warisan Kebangsaan atau Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Untuk makluman, kajian ini sedang dalam peringkat penyediaan Laporan Akhir OUV. Laporan ini akan mengenalpasti potensi dan kesesuaian, sempadan tapak warisan dan mengumpul dan menganalisa maklumat pembuktian tapak warisan berdasarkan parameter dan kriteria Tapak Warisan Kebangsaan melalui peruntukan Seksyen 67 (2) Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan sepuluh (10) kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO.

Kajian juga turut mengenalpasti nilai warisan Bandar Kuala Kubu Bharu sebagai Bandar Taman (*Garden City*) pertama di Tanah Melayu termasuklah membuat perbandingan dengan tapak seumpamanya yang lain di seluruh dunia, mengumpul bahan sejarah pembentukan Kuala Kubu Bharu sebelum dan semasa pemerintahan Inggeris dan Raja-Raja Melayu, sejarah dan teknik aktiviti perlombongan dan lain-lain pembuktian yang boleh menyokong usaha pengiktirafan Bandar Kuala Kubu sebagai Tapak Warisan Kebangsaan dan seterusnya sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

- b) Kerajaan Negeri melalui peruntukan RMKe-11 telah memperuntukan keseluruhan RM1.2 juta kepada PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) untuk menjalankan Kajian Bandar Kuala Kubu Bharu Sebagai Bandar Warisan Kebangsaan dan Dunia yang merangkumi tiga (3) peringkat, bermula tahun 2018 sehingga tahun 2020.

Bagi tahun kewangan 2018, sejumlah RM450,000 telah dibelanjakan untuk menjalankan kajian pengenalpastian dan pembuktian nilai keunggulan sejagat ataupun dengan izin; *Outstanding Universal Value* (OUV), dan sejumlah RM450,000 pula diperuntukkan pada tahun 2019 bagi penyediaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan ataupun **Conservation Management Plan (CMP)**. Seterusnya bagi tahun 2020, sejumlah RM350,000 diperuntukan bagi penyediaan dokumen **pre-dossier** untuk dokumen pencalonan sebagai tapak warisan dunia kepada pihak UNESCO.

Berdasarkan Draf Laporan Akhir OUV yang akan dibawa kepada Jawatankuasa Teknikal kajian pada 27 November 2018, Kuala Kubu Bharu berpotensi sebagai Tapak Warisan Kebangsaan (Akta 645) berkemungkinan berdasarkan dua (2) kriteria utama iaitu:

- i. Kuala Kubu Bharu sebagai Bandar Perlombongan Warisan; atau
- ii. Kuala Kubu Bharu Sebagai Bandar Dalam Taman Pertama di Malaysia.

Hasil Laporan Akhir kajian ini akan menjadi dokumen sokongan untuk pencalonan Kuala Kubu Bharu sebagai Tapak Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara.

Bagi pencalonan Kuala Kubu Bharu sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, kajian mendapati kekuatan Kuala Kubu Bharu untuk dicalonkan secara bersendirian adalah tidak kukuh. Kajian mencadangkan pencalonan secara *serial nomination* bersama tapak-tapak seperti Kinta, Ipoh dan Taiping sepertimana pencalonan Melaka dan Georgetown.

- c) Laporan Tinjauan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 telah mengenalpasti Masjid Ampang Pecah sebagai sebahagian sumber warisan bangunan di Daerah Hulu Selangor di bawah kategori rumah ibadat/masjid.

Masjid Ampang Pecah (Masjid Lama Al-Hidayah) juga telahpun didaftarkan sebagai Warisan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada tahun 2012.

Untuk makluman juga, Masjid Ampang Pecah (Masjid Lama Al-Hidayah) turut dikenalpasti sebagai sebahagian bangunan warisan yang akan diketengahkan di dalam usaha mengangkat Bandar Kuala Kubu Bharu sebagai Tapak Warisan

Kebangsaan melalui Kajian Pengenalpastian Bandar Kuala Kubu Bharu
Sebagai Tapak Warisan Kebangsaan atau Dunia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PERBELANJAAN PERUNTUKAN RM1 JUTA UNTUK KESIHATAN MENTAL

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan program kesihatan mental yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan RM1 juta yang diluluskan dalam Belanjawan Negeri 2018. Juga senaraikan kos yang dibelanjakan bagi setiap program.
- b) Senaraikan bilangan kes kaunseling yang terdapat di pusat kaunseling Ampang Jaya, Shah Alam, Selayang dan Sepang.

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memulakan beberapa program kesihatan mental yang menfokuskan kepada kumpulan tertentu seperti Petugas Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dan Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB). Kumpulan ini merupakan kakitangan barisan hadapan yang mewakili Kerajaan Negeri dalam menyampaikan dasar-dasar serta program-program yang dilaksanakan. Golongan ini sentiasa berdepan dengan cabaran dan tekanan dalam menjalankan tugas utama seharian. Atas faktor tersebut, program ini dianjurkan bagi membantu mereka mengawal dan mengatasi perkara tersebut dengan kaedah terbaik.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pusat Khidmat Masyarakat untuk membuat saringan kesihatan mental dan memberi taklimat menangani stress dari aspek kekeluargaan kepada ibu bapa yang berpendapatan rendah. Saringan yang dilakukan boleh membantu Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh kumpulan ini dan mengatitkan program susulan sekiranya hasil saringan adalah negatif.

Program kesihatan mental dan kos yang terlibat adalah seperti berikut:-

PROGRAM	TARIKH	KOS PELAKSANAAN (RM)
Program Refleksi Kesihatan bersama Penyelia PWB	17 November 2018	RM8,500.00
Program Refleksi Kesihatan	12 Disember 2018	RM8,500.00

PROGRAM	TARIKH	KOS PELAKSANAAN (RM)
bersama Petugas PKM		
Program menangani stress dalam keluarga di Flat Sri Indah	8 Disember 2018	RM5,000.00

- b) Bilangan kes kaunseling yang terdapat di semua Pusat Kaunseling Selangor adalah sebanyak 489 kes dan pecahan mengikut cawangan dalah seperti berikut :

CAWANGAN	BILANGAN KES
Shah Alam	480 (Temujanji dan Walk in)
Ampang Jaya	3 (Temujanji)
Selayang	3 (Temujanji)
Sepang	0
JUMLAH	489